


# Jakmas KKTM memperkasa pelajar siswi

Adakan program Hari Siswi untuk beri pendedahan ilmu mempertahankan diri

UB 29.3.2018 B2



masalah sama ada kepada keluarga mahupun diri anak-anak. Malahan, pelbagai masalah sosial pada hari ini dikatakan berpunca daripada kepincangan institusi kekeluargaan.

"Justeru, kedudukan wanita yang semakin penting dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi, maka banyak persoalan yang muncul daripadanya yang menuntut perbincangan secara mendalam oleh para siswi," katanya.

Dengan adanya program itu tambahannya, adalah diharapkan dapat membantu memperkasakan siswi bukan untuk menyaingi lelaki tetapi untuk turut sama membangunkan generasi.

Menurut Pegawai Perubatan Hospital Queen Elizabeth Dr Gunasunthari, siswi juga merupakan aset negara yang penting kerana mereka akan membantu masyarakat pada masa akan datang.

"Saya juga dulu seorang pelajar seperti siswi semua, namun kini saya telah berbakti kepada negara dengan menjadi seorang pegawai kerajaan di Sabah ini," katanya.

Program itu dirasmikan oleh Nizam dan disertai oleh dua tetamu jemputan, Dr Gunasunthari Ganeson dan Hanita Gahoonsertserta Yang Dipertua Jakmas Mohamad Azad Hafiz Ismail.

**NIZAM** menyampaikan cenderamata kepada Dr Gunasunthari.

Sememangnya, wanita berperanan penting dalam mencorak masa depan negara. Apatah lagi wanita merupakan pengasuh serta pendidik generasi muda yang bermula dari institusi kekeluargaan dan seterusnya ke alam masyarakat sebenar.

**KOL (PA) DR MOHAMAD NIZAM NAZARUDIN**  
Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha

Apatah lagi wanita merupakan pengasuh serta pendidik generasi muda yang bermula dari institusi kekeluargaan dan seterusnya ke alam masyarakat sebenar.

"Jika suasana didikan di rumah tidak sempurna maka akan tidak sempurna pembentukan peribadi penghuninya sekaligus mengundang pelbagai

**NIZAM melancarkan majlis berkenaan.**

siswi tentang pentingnya ilmu mempertahankan diri," katanya.

Menurutnya, golongan siswi kini dilihat lemah pada pandangan lelaki di luar kerana siswi tidak mempunyai pengetahuan tentang seni mempertahankan diri.

"Oleh itu, dalam program ini saya membawa seorang jurulatih Shorinji Kempo untuk mengajar siswi mempertahankan diri semasa

diserang," katanya dalam ucapan perasmiannya.

Lebih 200 siswi dan 32 ahli jawatankuasa telah menayakan program itu. Turut memberi kerjasama ialah Kelab Publisiti KKTM dan Sekretariat KKTM.

Beberapa aktiviti telah dilaksanakan semasa berlangsungnya program itu antaranya seni mempertahankan diri Shorinji Kempo yang diajar

oleh Athirah Ahmad Zukhi dari Persatuan Shorinji Kempo Sabah. Aktiviti lain seperti menghias kek juga dilaksanakan.

Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha Kol (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin berkata, wanita mempunyai peranan yang penting dalam mencorak masa depan negara, selain daripada menjaga keluarga dan sebagainya.

"Sememangnya, wanita berperanan penting dalam mencorak masa depan negara.

**KOTA KINABALU:** Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Hari Siswi bagi memperkasakan pelajar siswi di universiti itu.

Program yang setiap tahun dilaksanakan dengan pengisian yang berbeza telah menarik golongan siswi untuk menghadiri program itu. Ia merupakan satu cara untuk mengangkat golongan siswi di dalam Kolej Kediaman.

Pengarah program Hari Siswi, NurSyafiqah Diana Sanim berkata siswi di kolej kediaman perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas berkaitan dengan mempertahankan diri dan masakan.

"Saya melaksanakan program ini untuk memberi pendedahan kepada semua